



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PEMELIHARAAN SENI BINA BANGUNAN-BANGUNAN
BERSEJARAH KHUSUSNYA MASJID SULTAN IBRAHIM MUAR**

**Nurulhuda Binti Othman
27906**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2013**

**PEMELIHARAAN SENI BINA BANGUNAN-BANGUNAN BERSEJARAH
KHUSUSNYA MASJID SULTAN IBRAHIM MUAR**

NURULHUDA BINTI OTHMAN
27906

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2013

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: PEMELIHARAAN SENI BINA BANGUNAN-BANGUNAN BERSEJARAH
KHUSUSNYA MASJID SULTAN IBRAHIM MUAR

SESI PENGAJIAN : 2012 / 2013

Saya NURULHUDA BINTI OTHMAN mengaku membenarkan tesis/Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat
5. salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajiantinggi.
6. *sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(Tandatangan Penulis)

(Tandatangan Penyelia)

Tarikh : _____

Tarikh : _____

Alamat tetap:
MBP 564B Kg. Seri Menanti,
84160 Pt. Jawa Muar,
Johor, Darul Ta'zim

Catatan:* Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/Laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk **(Pemeliharaan Seni Bina Bangunan-bangunan Bersejarah Khususnya Masjid Sultan Ibrahim Muar)** telah disediakan oleh **(Nurulhuda binti Othman)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **(Pengurusan Seni)**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

Prof. Dato' Dr. Hashim bin Awang

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah kehadiran ALLAH s.w.t. yang memberi limpah kurnia-Nya serta dengan keizinan-Nya maka terlaksana Projek Tahun Akhir sesi 2012/2013 pada masa yang ditetapkan. Penghargaan ini ditujukan kepada pensyarah Jabatan Seni Liberal, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terutamanya kepada penyelia saya iaitu Prof. Dato' Dr. Hashim bin Awang yang banyak meluangkan masa, memberi bimbingan, panduan dan cadangan yang membina dalam menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga dikhususkan buat infoman-informan yang terlibat dalam kajian ini terutama kepada Encik Mohd. Azuan bin Sahak, Cik Rasilah binti Abdul Rashid, Encik Mohd. Yatim bin Ma'amor dan Puan Maisarah binti Ahmad kerana sudi meluangkan masa untuk bekerjasama yang tidak terkira dalam membantu menyiapkan kajian ini. Tanpa mereka kajian ini mungkin tidak dapat disiapkan.

Saya ingin juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada bonda iaitu Rusidah binti Sarijan serta adik-beradik Siti Khadijah binti Othman, Abdul Rahman bin Othman dan Abdul Rahim bin Othman yang telah memberi dorongan dan semangat tidak terhingga amat saya hargai dan sanjungi. Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain atas sokongan dan galakkan yang diberikan bagi menyiapkan kajian ini.

Terima Kasih.

Nurulhuda binti Othman

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai pemeliharaan seni bina bangunan Masjid Sultan Ibrahim Muar yang mempunyai reka bentuk seni bina kolonial Inggeris. Kajian yang dijalankan ini meliputi keperluan dan kepentingan pemeliharaan terhadap bangunan bersejarah yang merupakan khazanah negara yang amat bernilai. Penelitian terhadap kaedah pemeliharaan bangunan dijalankan bagi mengetahui kaedah yang digunakan dalam memelihara bangunan terutamanya bangunan bersejarah. Hasil kajian mendapati bahawa pemeliharaan amat penting bagi bangunan-bangunan bersejarah kerana dapat memelihara dan mengekalkan keunikan seni bina dan sejarahnya yang tersendiri.

ABSTRACT

This study is about the preservation of architecture building of Masjid Sultan Ibrahim Muar with unique British colonial architecture. Studies conducted include the needs and important of the preservation of historic building as a valuable national treasure. Research on methods of building maintenance carried out to find out the methods used in preserving buildings, particularly historic buildings. The study found that maintenance is important for historic buildings to be able to preserve and maintain its unique architecture and history.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN	
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACK	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI PETA	viii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii

BAB I: PENGENALAN

Pengenalan.....	1
Latar belakang	
Sejarah negeri Johor.....	2
Sejarah Bandar Maharani Bandar Diraja Muar.....	3
Sejarah Masjid Jamek Sultan Ibrahim Muar.....	4
Lokasi kajian.....	7
Objektif kajian.....	8
Persoalan kajian.....	9

Kerangka konseptual.....	10
Signifikasi kajian.....	11
Rumusan.....	12

BAB II: KUPASAN KEPUSTAKAAN

Pengenalan.....	13
Kepentingan pemeliharaan warisan budaya dan sejarah.....	13
Isu dan masalah yang dihadapi terhadap penyenggaraan dan pemeliharaan bangunan.....	16
Cabaran dan dilema pemeliharaan bangunan di Malaysia.....	18
Rumusan.....	20

BAB III: METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan.....	21
Kaedah perpustakaan.....	22
Kerja lapangan.....	23
Instrumen kajian.....	25
Rumusan.....	26

BAB IV: ANALISIS DATA

Pengenalan.....	27
Perundangan dalam usaha pemeliharaan bangunan.....	27
Akta Benda Purba 1976.....	28

Akta Perancangan Bandar dan Wilayah 1976.....	28
Akta Kerajaan Tempatan 1976.....	29
Akta Warisan Kebangsaan 2005.....	29
Kaedah Pemeliharaan Bangunan Bersejarah.....	31
Penilaian pertama : Kepentingan dan Nilai Sejarah (Nilai mata tertinggi ialah 12).....	33
Penilaian kedua : Ciri-ciri Seni Bina (Nilai mata tertinggi ialah 12).....	34
Penilaian ketiga : Keadaan dan struktur bangunan [Nilai mata tertinggi ialah empat (4)].....	37
Klasifikasi bangunan mengikut gred.....	41
Tindakan pemeliharaan mengikut gred klasifikasi bangunan-bangunan warisan.....	42
Kepentingan pemeliharaan bangunan bersejarah.....	46
Keunikan seni bina Masjid Sultan Ibrahim Muar.....	49
Rumusan.....	53
 BAB V: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
Pengenalan.....	54
Perbincangan.....	54
Cadangan.....	57
Cadangan kepada pengkaji akan datang.....	58
Kesimpulan.....	59

RUJUKAN	61
GLOSARI	63

SENARAI PETA

Peta 1: Peta daerah Muar.....	7
-------------------------------	---

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Nilai mata bagi menentukan gred bangunan Masjid Sultan Ibrahim.....	40
Jadual 2: Nilai Mata Kualiti Bangunan dan Gred.....	42
Jadual 3: Kawalan Tindakan Mengikut Gred.....	43

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Plan bangunan Masjid Sultan Ibrahim Muar.....	49
Gambar 2: Berbumbung limas dan beratap genting.....	50
Gambar 3: Mihrab berkubah bercirikan Reninssance dan tingkap berciri venetian..	50
Gambar 4: Serambi menara berkisi-kisi atau berbirai (balustrat).....	51
Gambar 5: Tempat wuduk terbuka.....	51
Gambar 6: Anjung berpintu.....	52
Gambar 7: Tiang-tiang roman klasik mengelilingi setiap penjuru bangunan.....	52

BAB I : PENGENALAN

Pengenalan

Seni bina bangunan bersejarah sebagai warisan sejarah negara atau negeri turut memainkan peranan yang sama penting sepertimana peranan kebudayaan dan kesenian masyarakat dahulu yang telah menjadi identiti rakyat Malaysia. Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian warisan sejarah akibat daripada salah satu faktornya adalah kesan daripada penjajahan Jepun dan negara-negara Barat telah meninggalkan beberapa tapak bersejarah yang masih dapat dihayati sehingga kini. Kesan-kesan sejarah seperti seni bina penjajah Inggeris yang begitu terkenal dengan reka bentuk kolonial dapat dilihat melalui bangunan seperti Kubu Margherita Kuching (1878), Sanitary Board (1892) di Taiping, Perak serta bangunan Sultan Ibrahim Johor Bahru (1942). Bangunan-bangunan yang masih lagi utuh dan kukuh ini telah berusia lebih daripada 100 tahun dan mempunyai nilai sejarah dan warisannya yang tersendiri yang berbeza-beza berdasarkan peristiwa kawasannya. Keunikan bangunan bersejarah perlu dipelihara dan dipulihara sepenuhnya kerana bangunan-bangunan ini memainkan peranan yang penting kepada negara dan juga masyarakat.

Latar belakang

Sejarah negeri Johor

Johor merupakan negeri ketiga terbesar di semenanjung Malaysia dan terletak di bahagian selatan semenanjung Malaysia. Ibu negeri Johor adalah bandaraya Johor Bahru. Asal usul nama negeri Johor mempunyai banyak pendapat yang berbeza-beza antaranya ialah catatan prasasti (1006 M) dan buku undang-undang Siam (1438), Johor dikenali sebagai Wurawari atau Warawari atau Wawari yang bermaksud air yang jernih. Menurut Godinho d'Eridia, seorang pengarang Portugis menyatakan bahawa Marco Polo telah belayar hingga ke Hujung Tanah (Johor) pada tahun 1292. Nama ini turut dinyatakan di dalam Hikayat Jawa "Negara Kertagana" (1365) yang ditulis oleh Prapanca yang menyebut Johor sebagai Negeri Ujung Tanah atau hujung Madini kerana kedudukan Johor berada pada penghujung selatan benua Asia. Manakala saudagar-saudagar yang belayar ke Johor menyebut Johor sebagai Jantan atau Jantana atau Santana atau Tana yang bermaksud Ujung Tanah. Mengikut buku Sejarah Melayu yang ditulis oleh Tun Sri Lanang (1612), Johor dipanggil sebagai Ganggayu atau Gangga Ayu di dalam bahasa Jawa yang mempunyai makna yang sama seperti Warawari (sebuah kerajaan besar di hulu Sungai Johor). Johor turut dikenali sebagai Gelangkyu di dalam bahasa Siam dan Galuh oleh orang-orang Jawa yang bermaksud batu permata. Batu permata disebut sebagai Jauhar di dalam bahasa Arab dan nama ini digunakan sebagai nama negeri Johor hingga kini.

Johor telah dibentuk sejak tahun 800 Masihi iaitu sebagai pusat perdagangan yang terpenting. Pada abad ke-14, Johor telah menjadi wilayah kerajaan Majapahit sehingga

pemerintahan Kesultanan Melaka (1400-1511) menjadikan Johor sebagai jajahan pemerintahannya. Apabila Melaka dikuasai oleh Portugis pada tahun 1511, Sultan Mahmud Shah (Sultan Melaka) telah melarikan diri ke Pahang dan kemudiannya ke Bentan, Johor. Sultan Alauddin Riayat Shah (anakanda Sultan Mahmud Shah) telah menubuhkan Kesultanan Johor pada tahun 1528 dan wilayah jajahan kerajaan Johor pada ketika itu adalah Johor, Riau, wilayah yang terletak dari sungai Klang hingga ke Linggi, Tanjung Tuan, Muar, Batu Pahat, Singapura, Pulau Tinggi dan pulau-pulau di pantai timur semenanjung Tanah Melayu serta Kepulauan Karimun, Bintan, Bulang, Lingga, Bungaran, Kota Baru, Kampar dan Siak di Sumatera. Johor telah menjadi sebahagian daripada Malayan Union pada tahun 1946 dan dua tahun yang berikutnya Johor menyertai Persekutuan Tanah Melayu dan akhirnya persekutuan Malayasia pada tahun 1963.

Sejarah Bandar Maharani Bandar Diraja Muar

Perkataan Muar dikatakan berasal dari perkataan Hindu iaitu “Muaaru” yang bermaksud tiga batang sungai. Selain itu, perkataan Muar juga berasal dari perkataan Melayu “Muara” yang membawa maksud kuala sungai dan “Muak” yang bererti jemu kerana keadaan pantainya yang rata dan tidak mempunyai bukit menjemukan pelayar-pelayar yang melintasinya. Muar turut berasal dari perkataan Benggali “Murthu-aa” yang bermaksud berbelit-belit. Berasal dari nama sebuah negeri yang besar di selatan India pada zaman purba “Muar” atau “Munar” yang bermaksud negeri tiga sungai. Muar merupakan salah satu daripada 10 daerah di negeri Johor dan juga bandar ketiga terbesar

yang terletak di barat laut negeri Johor. Muar dikenali sebagai Bandar Diraja Johor setelah diistiharkan oleh DYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar pada tanggal 5 Februari 2012 di Masjid Jamek Sultan Ibrahim Muar. Sebelum ini Muar dikenali sebagai bandar Maharani yang diistiharkan oleh Almarhum Sultan Abu Bakar pada 12 Ogos 1887 iaitu 125 tahun yang lalu di Tangga Batu (berdekatan stesen Bas Maharani).

Muar dipercayai telah muncul lebih awal daripada empayar Melaka, walaupun kaya dengan sejarah akan tetapi kekurangan sumber terutamanya catatan arkeologi dan sejarah silam Muar banyak tidak ketahu menyebabkan tiada bukti yang kukuh terhadap pembentukan sejarah Muar yang sebenar. Terdapat beberapa catatan yang jelas menunjukkan kewujudan Muar suatu ketika dahulu iaitu kisah mengenai Parameswara yang telah melarikan setelah di halau keluar dari Temasik (Singapura) pernah menubuhkan penempatan di Pagoh, Ulu Muar sebelum beliau membuka kerajaan Melaka. Selain itu juga terdapat catatan yang menyatakan bahawa Muar merupakan jajahan yang ditakluki oleh kerajaan Majapahit berdasarkan syair yang ditulis oleh seorang sami Buddha dan pendita di istana Majapahit. Kewujudan makam Kesultanan Melaka iaitu Makam Sultan Alauddin Riayat Shah I (1477-1488) yang telah mangkat di Pagoh, Ulu Muar menjelaskan hubungan baik antara Muar dengan Melaka.

Sejarah Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Muar


Masjid Sultan Ibrahim terletak di Jalan Petrie iaitu 5 meter dari tebing Sungai Muar. Nama asalnya adalah Masjid Jamek Bandar Maharani. Bangunan Masjid direka

bentuk oleh Dato' Haji Muhamad Said bin Haji Sulaiman dan pelukis oleh Sulaiman bin Haji Alis, yang bergelar sebagai 'Pelukis Johor'. Dibina mengikut seni bina Inggeris, klasik Eropah, Islam dan juga tempatan. Struktur bangunan masjid ini begitu unik kerana memiliki berbumbung limas dan masih menggunakan atap genting yang sama semasa pembinaannya, mempunyai parapet yang agak tinggi disekeliling bangunan serta dihias dengan tiang roman klasik (ionic) di luar dan dalam bangunan, mihrabnya berkubah bercirikan Renaissance dengan tingkap berasaskan ciri-ciri venetian daripada Palladian, serambi menaranya berkisi-kisi atau berbirai (balustrat) dan mempunyai anjung berpintu berasaskan seni bina tempatan. Masjid ini juga mempunyai ruang mengambil wuduk yang terbuka, tidak berbumbung di atas kolah besar berbentuk bulat yang kini telah dikenali sebagai "Raudahtul Rahman". Pembinaan masjid jamek ini adalah untuk menggantikan masjid kayu era 1880-an dan pembinaannya bermula pada tahun 1920-an iaitu semasa harta pusaka Haji Muhamad Khatib bin Haji Shahid (bekas khatib masjid bandar Muar dan seorang hartawan) hendak dibahagi-bahagikan dimana Haji Abu Bakar bin Haji Hassan dan Orang kaya Haji Yusuf bin Haji Junid telah diminta menjadi orang tengah dan penasihatnya. Beliau mengesyorkan supaya wang sebanyak RM200,000.00 diwakafkan untuk pembinaan Masjid baru dan Sekolah Arab di Bandar Maharani. Wakaf untuk Sekolah Arab telah dibelanjakan untuk pembinaan Sekolah Maahad Lujnah Muar. Sebuah jawatankuasa Petugas telah ditubuhkan bagi mencari dana pembinaan Masjid yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat tempatan pada waktu itu. Jawatankuasa ini telah berjaya mengumpulkan wang sebanyak RM10,000.00 hasil kutipan derma daripada orang ramai.

Pada tahun 1925 iaitu bersamaan 21 Rejab 1343H, pembinaan masjid mula dijalankan dengan perbelanjaan kerajaan dan derma orang ramai sebanyak RM400,000.00. Masjid ini telah dirasmikan pada 28 Febuari 1930 iaitu bersamaan 29 Ramadan 1347H (Jumaat) pada pukul 11.00 pagi oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibn Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor pada ketika itu. Turut menghadiri majlis perasmian tersebut ialah YAB Dato' Mustafa bin Jaafar, Menteri Besar Johor, Yang Amat Mulia Tunku Temenggong Ahmad, Pesuruhjaya Kerajaan Muar dan Yang Berhormat Mulia Ungku Ali bin Abdullah, Yang Dipertua Agama Johor. Pada tahun 1969, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150,000.00 bagi pembinaan Balai Masjid dan telah siap pembinaannya pada tahun 1970. Pada bulan Ogos 1984, Masjid Jamek Bandar Maharani Muar telah diberikan nama Masjid Jamek Sultan Ibrahim sempena perayaan 100 tahun Muar.

Lokasi kajian

Lokasi kajian yang dijalankan adalah di daerah Muar iaitu Jalan Petrie yang terletak di kawasan pentadbiran Bandar Diraja Muar berhampiran dengan Sungai Muar. Bangunan masjid terletak berhampiran dengan Sekolah Tinggi Muar, Istana Tanjung Muar dan Tanjung Emas Muar.



Peta 1: Peta daerah Muar

Sumber : <https://maps.google.com.my>

Objektif

Kajian terhadap pemeliharaan bangunan-bangunan bersejarah khususnya Masjid Sultan Ibrahim melibatkan tiga objektif iaitu 1) Mengenalpasti keperluan dan kepentingan memelihara bangunan bersejarah kepada negara, 2) Meneliti proses dan kaedah pemeliharaan yang terdapat untuk menjaga atau memelihara bangunan bersejarah dan 3) Mengkaji ciri-ciri reka bentuk bangunan Masjid Sultan Ibrahim sebagai objek kajian dari segi keunikan seni bina bangunan bagi kebanyakan bangunan masjid yang lain.

Persoalan Kajian

Sebelum proses kajian dijalankan, beberapa persoalan telah dikenalpasti bagi membantu dalam menyempurnakan kajian ini antaranya ialah 1) Adakah pemeliharaan Masjid Sultan Ibrahim penting sebagai seni bina negara yang berharga 2) Apakah proses atau kaedah yang telah dilakukan atau boleh dilakukan dalam aktiviti pemeliharaan bangunan bersejarah dan 3) Bagaimana pemeliharaan menjaga keunikan seni bina bangunan dari segi fizikal serta faedahnya kepada negara. Persoalan ini dapat membantu dalam melancarkan dan menyempurnakan kajian yang akan dilakukan sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Kerangka Konsepsual

Menurut A. Ghafar Ahmad (2010) pemeliharaan merupakan “kerja-kerja bagi melindungi, menyenggara dan menstabilkan bahan binaan dan bentuk bangunan lama, monumen atau tapak warisan supaya bebas daripada ancaman kerosakan atau keusangan”.

Pemeliharaan atau pengekalan merupakan kerja pembaikan untuk mengekalkan sesuatu dalam keadaan asal dan ianya hendaklah dijalankan jika perlu dalam usaha memastikan fabrik pada sesuatu tempat itu berada dalam keadaan asalnya dan mencegah dari berlakunya keusangan. Pengekalan juga melibatkan kerja-kerja pengawasan dan penjagaan sesebuah monumen dan tapak tanah bersejarah agar ianya tidak mengalami kerosakan dengan menggunakan kaedah saintifik dan sistematik. (Fielden, 2000).

Pemeliharaan juga melibatkan aktiviti menyelenggara, menurut Burden (2004), penyelenggaraan merupakan pendekatan yang melibatkan seperti membekalkan kerja, membaiki dan menjaga struktur bangunan bersejarah dan kemunculannya selepas pembinaan atau selepas pengembalian semula pada suatu tahap yang memuaskan dalam usaha untuk memenuhi keperluan fungsinya mengikut sesatu tempoh masa dan untuk mengelakkan kemerosotan.

Menurut A. Ghafar (2010) penyelenggaraan merupakan kerja-kerja pengekalan yang berterusan meliputi penjagaan dan pemeriksaan bangunan warisan secara berkala bergantung pada fungsi dan keadaan bangunan, tertakluk kepada sumber semasa.

Menurut Syed Zainol (1995), pemeliharaan merupakan “*effort to maintain the original structure of the building and that it will not be exposed to any damage*”.

Pemeliharaan turut juga didefinisikan sebagai penyelenggaraan “Warisan Budaya” atau “kawasan pemugaran” dalam bentuk semasa dan menghalang keusangan.

Definisi-definisi diatas jelas menunjukkan bahawa pemeliharaan merupakan aktiviti yang dijalankan bagi mengelakkan bangunan atau monumen lama mengalami kerosakan atau keusangan yang melibatkan beberapa tindakan atau langkah-langkah penjagaan, pengawasan, penyelenggaraan dan pembaikan yang tidak melibatkan sebarang pengubahsuaian ciri-ciri asal bangunan. Konsep pemeliharaan ini ternyata memberikan keterangan yang begitu jelas yang dapat membantu pelaksanaan dan pergerakan aktiviti pemeliharaan dapat dijalankan dengan baik.

Signifikasi Kajian

Kajian mengenai pemeliharaan bangunan bersejarah amat penting kepada negara dan masyarakat. Hal ini kerana aktiviti pemeliharaan ini dapat membantu mengekalkan peristiwa atau sejarah sesuatu tempat yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri yang dapat dikongsi dan dinilai oleh generasi akan datang sebagai panduan hidup atau memelihara warisan sejarah tersebut daripada kepupusan. Sejarah merupakan sesuatu yang begitu penting kepada manusia dalam menempuhi kehidupan seharian kerana nilai sesuatu sejarah tidak dapat dibandingkan dengan wang ringgit kerana sejarah mengandungi pelbagai maklumat yang penting khususnya pengalaman hidup serta peristiwa yang dapat menjadi tauladan dan pengajaran kepada masyarakat kini .

Menurut Mohammad Ashraf (2011), aktiviti penyelenggaraan bangunan bersejarah memberi banyak faedah terutamanya dalam kesinambungan pemuliharaan. Aktiviti pemuliharaan membolehkan struktur bangunan dapat dipelihara dan dipulihara daripada sebarang kerosakan serta dapat mengekalkan reka bentuk asal bangunan tanpa sebarang perubahan dilakukan keatasnya. Keperihatinan terhadap aktiviti pemeliharaan bangunan bersejarah membolehkan masyarakat dapat menilai dan menghayati struktur bangunan tersebut kesan daripada sejarah yang terdahulu berlaku kepada nenek moyang mereka.

Bangunan bersejarah sebagai monumen warisan negara yang berharga kepada negara dan masyarakat yang perlu dipelihara agar warisan negara ini tidak akan pupus dan hilang. Nilai-nilainya bukan sahaja sebagai pengekaln sejarahnya malahan juga

turut penting bagi menonjolkan imej negara Malaysia yang kaya dengan warisan sejarah yang pelbagai dan dapat membezakan dengan negara yang lain.

Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan secara terperinci mengenai kajian yang akan dijalankan. Pengenalan menjelaskan gambaran dan kaedah yang akan dilaksanakan bagi menjalankan kajian ini dengan lebih mendalam. Berpandukan objektif dan kepentingan kajian sebagai penggerak utama dalam melaksanakan kajian.

BAB II: KUPASAN KEPUSTAKAAN

Pengenalan

Bab ini merupakan kajian, rujukan dan analisis yang dilakukan untuk mengenalpasti dan membincangkan teori serta penulisan penting terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian yang dilakukan. Kajian lepas yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berbentuk analisis atau bacaan diperolehi daripada medium seperti buku, jurnal, majalah, artikel, internet dan sebagainya. Kupasan kepustakaan ini penting mengenalpasti batasan atau kekurangan terhadap kajian terdahulu sebelum melakukan kajian ini dan seterusnya untuk meningkatkan kualiti kajian yang dijalankan.

Kepentingan pemeliharaan warisan budaya dan sejarah

Stipe (2003) telah menerangkan beberapa sebab perlunya pemeliharaan terhadap warisan sejarah antaranya ialah pemeliharaan warisan adalah sebagai sumber sejarah yang mempunyai kaitan fizikal dengan masa lampau kita iaitu berfungsi untuk kita lebih mengetahui asal usul kita, pembentukan diri sebenar kita pada hari ini dan juga bagi membezakan diri kita dengan makhluk yang lain. Warisan budaya ini merujuk kepada cara hidup dan kebudayaan yang kita lakukan sepanjang kehidupan kita di dunia ini dan